

Kaedah terbaik kitar semula sisa buangan haiwan perlu dicari

KAJANG – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sedang mencari kaedah terbaik untuk melaksanakan proses kitar semula pengurusan sisa buangan haiwan ternakan.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kaedah terbaharu itu penting bagi memastikan sektor penternakan dan pertanian dapat mengurangkan kebergantungan terhadap penggunaan baja kimia serta racun perosak.

Menurutnya, buat masa ini, kedua-dua sektor berkenaan masih belum mengamalkan kon-

sep pertanian hijau sepenuhnya kerana masih bergantung kepada penggunaan baja kimia.

“Pakar-pakar dalam bidang ini boleh mengemukakan kaedah terbaik kepada pengusaha ternakan ayam, itik, lembu dan sebagainya yang masih tidak tahu apa yang sepatutnya dilakukan terhadap sisa buangan ternakan mereka.

“Jika ia boleh dijadikan baja semula jadi untuk menyuburkan tanah pertanian menerusi teknologi buangan kompos, maka satu dasar khusus perlu digubal untuk menyelaraskan kaedah

ini,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Kongres Pertanian Antarabangsa anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) 2016 di sini semalam.

Hadir sama Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Kongres tersebut dihadiri lebih 500 orang peserta dalam kalangan pensyarah dan penyelidik.

Sementara itu, Ahmad Shabery berkata, kongres itu dapat membantu kerajaan menggariskan dasar yang mewajibkan sisa buangan haiwan ternakan dijadikan baja semula jadi.



AHMAD SHABERY (dua dari kanan) melihat pameran selepas majlis perasmian Kongres Pertanian Antarabangsa di Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi semalam. Hadir sama Aini (kanan).